

BIOTEKNOLOGI		
TAHAP MQF	SYARAT KELAYAKAN MASUK	KEPERLUAN KOMPETENSI BAHASA INGGERIS PELAJAR ANTARABANGSA
<b>DIPLOMA (TAHAP 4)</b>	<p>i. Memiliki SPM atau yang setaraf dengan minimum Kepujian dalam 3 mata pelajaran termasuk Matematik dan Sains; atau</p> <p>ii. Lulus STPM atau yang setaraf dengan minimum Gred C (NGMP 2.00) dalam mana-mana mata pelajaran dan mendapat Kepujian dalam 3 mata pelajaran termasuk Matematik dan Sains pada peringkat SPM/setaraf; atau</p> <p>iii. Lulus STAM dengan minimum gred Maqbul dan mendapat Kepujian dalam 3 mata pelajaran termasuk Matematik dan Sains pada peringkat SPM/setaraf; atau</p> <p>iv. *Lulus SKM Tahap 3 (Tahap 3 MQF) dalam bidang yang berkaitan (PPT dikehendaki untuk melaksanakan saringan dan program pengukuhan yang bersesuaian dengan bidang program); atau</p> <p>v. Lulus Sijil (Tahap 3 MQF) atau yang setaraf dalam bidang yang berkaitan dengan minimum PNGK 2.00.</p> <p><u>Nota:</u> Syarat Kepujian mata pelajaran Matematik dan Sains bagi calon (ii) dan (iii) boleh dikecualikan sekiranya gred yang diperoleh bagi mata pelajaran berkenaan dalam kelayakan STPM/STAM adalah setara atau lebih.</p>	<p>Pelajar Antarabangsa: Skor minimum MUET Band 3 / IELTS 5.0 atau yang setara.</p>

		<p>*Perlu dibaca bersekali:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pekeliling MQA Bil. 9/2019 bertarikh 30 Ogos 2019: Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET: Penambahbaikan Laluan Pendidikan Graduan TVET</li> <li>• Surat JPT - Kemasukan Pelajar Lulusan SKM (Tahap 3 MQF) ke Diploma (Tahap 4 MQF) atau yang Setara Dengannya di IPTS. [No. Ruj: JPT/GS 1000-606 Jld. 2 (37) bertarikh 8 Januari 2021]</li> </ul>	
<b>SARJANA MUDA (TAHAP 6)</b>	<p>i. Lulus STPM atau yang setaraf dengan minimum Gred C (NGMP 2.00) dalam 2 mata pelajaran dan mendapat Kepujian dalam 3 mata pelajaran termasuk Matematik dan Sains pada peringkat SPM/setaraf; atau</p> <p>ii. Lulus STAM dengan minimum gred Jayyid dan mendapat Kepujian dalam 3 mata pelajaran termasuk Matematik dan Sains pada peringkat SPM/setaraf; atau</p> <p>iii. Lulus Matrikulasi/<i>Foundation</i>/Asasi atau yang setaraf dengan minimum PNGK 2.00 dan mendapat Kepujian dalam 3 mata pelajaran termasuk Matematik dan Sains pada peringkat SPM/setaraf; atau</p> <p>iv. Lulus Diploma (Tahap 4 MQF) atau yang setaraf dalam bidang yang berkaitan dengan minimum PNGK 2.00; atau</p> <p>v. *Lulus DKM/DLKM/DVM dalam bidang yang berkaitan (PPT dikehendaki untuk melaksanakan saringan dan program pengukuhan yang bersesuaian dengan bidang program)</p> <p><u>Nota:</u> Syarat Kepujian mata pelajaran Matematik dan Sains bagi calon (i), (ii) dan (iii) boleh dikecualikan sekiranya gred yang diperoleh bagi mata pelajaran berkenaan dalam kelayakan STPM/STAM/Diploma/Matrikulasi/Asasi adalah setara atau lebih.</p>	<p>Pelajar Antarabangsa: Skor minimum MUET Band 3 / IELTS 5.0 atau yang setara.</p>	

		<p>*Perlu dibaca bersekali:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pekeliling MQA Bil. 9/2019 bertarikh 30 Ogos 2019: Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET: Penambahbaikan Laluan Pendidikan Graduan TVET</li> <li>• IPTS: Surat JPT - Kemasukan Pelajar Lulusan DKM, DLKM, DVM ke Peringkat Sarjana Muda (Tahap 6 MQF) atau yang Setara Dengannya di IPTS. [No. Ruj: JPT/GS 1000-606 Jld. 2 (23) bertarikh 21 April 2020]</li> <li>• UA: Surat JPT – Pindaan Syarat Kelayakan Minimum (Syarat Am) Diploma TVET (DKM, DLKM, DVM) Sebagai Syarat Kelayakan Masuk ke Program Ijazah Sarjana Muda di Universiti Awam (UA) [No. Ruj.: JPT.S(BPKP)2000/400/04/01 Jld. 5 (53) bertarikh 20 November 2019]</li> </ul>	
<p><b>SARJANA (TAHAP 7)</b> Secara Kerja Kursus/ Mod Campuran / Penyelidikan</p>	<p>i. Sarjana Muda (Tahap 6 MQF) atau yang setaraf dalam bidang yang berkaitan dengan minimum PNGK 2.75 sebagaimana yang diluluskan oleh Senat PPT; atau</p> <p>ii. Sarjana Muda (Tahap 6 MQF) atau yang setaraf dalam bidang yang berkaitan dengan minimum PNGK 2.50 tetapi tidak mencapai PNGK 2.75 boleh diterima masuk tertakluk kepada penilaian dalaman yang rapi; atau</p> <p>iii. Sarjana Muda (Tahap 6 MQF) atau yang setaraf dalam bidang yang berkaitan, dengan PNGK tidak mencapai 2.50 boleh diterima masuk tertakluk kepada 5 tahun pengalaman kerja dalam dalam bidang yang berkaitan.</p>	<p>Pelajar Antarabangsa: Skor minimum MUET Band 3 / IELTS 5.5 atau yang setara.</p>	
<p><b>KEDOKTORAN (TAHAP 8)</b> Secara Penyelidikan</p>	<p>i. Sarjana (Tahap 7 MQF) atau yang setaraf dalam bidang yang berkaitan sebagaimana yang diluluskan oleh Senat PPT.</p>	<p>Pelajar Antarabangsa: Skor minimum MUET Band 3 / IELTS 5.5 atau yang setara.</p>	

	<p><u>Nota:</u></p> <p>*Tiada kemasukan terus dari tahap ijazah sarjana muda ke Kedoktoran secara penyelidikan. Calon berkelayakan sarjana muda (Tahap 6 MQF) yang mendaftar untuk program sarjana (Tahap 7 MQF), boleh memohon untuk menukarkan pendaftaran pengajian ke program Kedoktoran secara penyelidikan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>permohonan untuk pertukaran adalah dalam tempoh 1 tahun selepas mendaftar program sarjana bagi calon sepenuh masa dan 2 tahun bagi calon separuh masa;</li> <li>telah menunjukkan kompetensi dan kemampuan dalam menjalankan penyelidikan pada tahap Kedoktoran dengan melalui penilaian dalaman yang rapi oleh PPT; dan</li> <li>kelulusan daripada Senat PPT.</li> </ol> <p>ATAU</p> <p>PPT boleh mengambil graduan cemerlang Sarjana Muda (Tahap 6 MQF) untuk kemasukan terus ke program <b>Kedoktoran (secara penyelidikan)</b> Tahap 8 MQF dengan syarat-syarat berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Pelajar memperolehi kelayakan Sarjana Muda kelas pertama atau yang setaraf; atau</li> <li>Memperoleh PNGK sekurang-kurangnya 3.67 atau setara dengannya daripada program akademik atau program TVET; dan</li> <li>Penilaian dalaman yang rapi oleh PPT; dan</li> <li>Mendapat kelulusan daripada senat PPT dan diterima masuk sebagai <i>candidacy</i> program Kedoktoran Tahap 8 MQF. Pelajar perlu menunjukkan kemajuan yang bersesuaian semasa tempoh <i>candidature</i> tersebut.</li> </ol>	
--	---	--

		<p>Pelajar perlu dimaklumkan bahawa pelajar tidak akan dianugerahkan dengan kelayakan Sarjana sebagai <i>exit award</i> sekiranya tidak memenuhi pencapaian pada tahap Kedoktoran.</p> <p>*Sumber: Standard Sarjana dan Kedoktoran Edisi Terkini 2021.</p>	
--	--	--	--

**PENERANGAN:**

- i. Kelayakan masuk ini perlu dirujuk bersekali dengan surat kelulusan program, standard, standard program dan makluman pindaan dari semasa ke semasa.
- ii. Memiliki SPM bermaksud lulus Bahasa Melayu dan lulus Sejarah (bermula SPM Tahun 2013).
- iii. Kesetaraan mata pelajaran adalah tanggungjawab PPT dan PPT perlu mempunyai polisi/prosedur dalaman yang kukuh dalam membuat penilaian kesetaraan tersebut.
- iv. Syarat kelayakan masuk bagi kelayakan Sarjana dan Kedoktoran perlu dibaca bersekali dengan Standard Ijazah Sarjana dan Kedoktoran Edisi Kedua: Tahun 2021.
- v. Sekiranya terdapat perbezaan antara standard program ini dengan standard/dasar yang ditetapkan oleh MQA dan KPT, standard yang lebih tinggi adalah terpakai, kecuali dinyatakan sebaliknya.
- vi. Rujukan:
  - Surat Pekeliling MQA Bil. 3/2019 - Penambahbaikan Terhadap Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran bertarikh 17 Julai 2019, no. ruj. MQA.100-1/7/1 Jld. 2 (21)
  - Pekeliling MQA Bil. 2/2019 - Penggunaan Edisi Terkini Standard Program: Bioteknologi bertarikh 20 Februari 2019, no. ruj. MQA.100-1/7/1 Jld. 2 (13)